

MEKANISME PENGUATKUASAAN KESALAHAN MATRIMONI PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN BAGI ORANG ISLAM DI NEGERI JOHOR

MECHANISMS FOR THE ENFORCEMENT OF UNAUTHORIZED MATRIMONIAL MARRIAGE FOR MUSLIMS IN THE STATE OF JOHOR

^{i,*}Siti Aishah Borhanuddin, ⁱMahamatayuding Samah & ⁱMohd Norhusairi Mat Hussin

ⁱJabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: sitishahborhanuddin@gmail.com

Article history:

Submission date: 5 September 2023
Received in revised form: 15 June 2024
Acceptance date: 25 June 2024
Available online: 15 February 2025

Keywords:

Enforcement mechanism, enforcement matrimonial offense, unauthorized marriages, Islamic religious enforcement, mekanisme penguatkuasaan, penguatkuasaan kesalahan matrimoni, perkahwinan tanpa kebenaran, penguatkuasa agama Islam

Funding:

The publication of this article has been supported by the Academy of Islamic Studies Universiti Malaya (APIUM) using the Special Research Grant UMG005L-2022.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Borhanuddin, S. A., Samah, M., & Mat Hussin, M. N. (2025). Mekanisme penguatkuasaan kesalahan matrimoni perkahwinan tanpa kebenaran bagi orang Islam di negeri Johor: Mechanisms for the enforcement of unauthorized matrimonial marriage for Muslims in the state of Johor. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 13(1), 18–34. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol13no1.529>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

The enforcement of Shariah criminal offenses and civil offenses is generally the primary duty of Islamic Enforcement Officers in each jurisdiction. Among the offenses that these officers are responsible for enforcing are matters related to the marriage of Muslims, including unauthorized marriages. However, the guidelines and mechanisms for enforcing unauthorized marriage offenses are less extensively discussed in theoretical terms, as their enforcement procedures are perceived as less complex compared to more intricate criminal cases. This study aims to examine the guidelines and mechanisms utilized by Islamic enforcement authorities in the State of Johor for the enforcement of unauthorized marriage offenses, with reference to the concept of hisbah in Islamic administration and the pertinent elements of Islamic legal provisions. The study employs a qualitative approach using library documentation methods to gather information regarding the enforcement of marriage offenses, focusing primarily on the Islamic Enforcement Division of Johor. Additionally, the research incorporates semi-structured interviews with two Shariah enforcement officers and one Shariah prosecutor to acquire data on enforcement mechanisms, which are then subjected to content analysis. The findings indicate that the enforcement of unauthorized marriage offenses aligns with the concept of hisbah within its administrative framework, and the concept of unauthorized marriage is consistent with specific elements of the Johor State Islamic Family Law Enactment. The study also identifies four principal guidelines that empower Islamic Enforcement Officers in Johor to carry out their duties. Furthermore, it highlights four key mechanisms employed in the enforcement of unauthorized marriage offenses in the state, which include the receipt of complaints, investigative processes, witness examinations, and searches. This study is deemed necessary to provide a comprehensive understanding of the enforcement of unauthorized marriage offenses, similar to the discourse on Shariah criminal offenses. The study also offers recommendations for addressing the challenges related to the enforcement of unauthorized marriage offenses among Muslims in Johor.

ABSTRAK

Penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah dan kesalahan mal secara umumnya merupakan tanggungjawab utama Pegawai Penguat Kuasa Agama Islam di setiap negeri. Antara kesalahan yang perlu dikuatkuasakan oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama Islam termasuklah hal ehwal perkahwinan orang Islam seperti kesalahan matrimoni perkahwinan tanpa kebenaran. Namun, garis panduan dan mekanisme penguatkuasaan kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran kurang dibahaskan secara teori dengan lebih terperinci berikutan prosedur pelaksanaannya dianggap lebih mudah berbanding kes jenayah yang lebih kompleks menurut sesetengah pihak. Justeru, kajian ini akan membincangkan mengenai garis panduan dan mekanisme penguat kuasa agama Islam di negeri Johor dalam menjalankan penguatkuasaan kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran bersandarkan kepada konsep *hisbah* dalam pentadbiran Islam dan elemen-elemen perundangan Islam. Kajian yang bersifat kualitatif ini menggunakan metode dokumentasi perpustakaan bertujuan mendapatkan sumber mengenai penguatkuasaan kesalahan matrimoni dengan memfokuskan Bahagian Penguatkuasaan Agama Islam Negeri Johor sebagai objektif utama. Kajian turut mengaplikasikan metode temu bual semi struktur dengan dua orang pegawai penguat kuasa syariah dan seorang pegawai pendakwa syariah untuk mendapatkan data mekanisme penguatkuasaan serta dianalisis secara kandungan. Keseluruhan kajian mendapati penguatkuasaan kesalahan matrimoni perkahwinan tanpa kebenaran adalah selaras dengan konsep *hisbah* dalam pentadbirannya dan konsep berkahwin tanpa kebenaran bertepatan dengan elemen tertentu dalam peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri Johor. Selain berhasil mengenal pasti empat garis panduan utama yang menjadi punca kuasa setiap Pegawai Penguat Kuasa Agama Islam negeri Johor dalam menjalankan tugas, hasil kajian turut menemui empat mekanisme utama yang diamalkan dalam menguatkuasakan kesalahan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran di negeri ini bermula daripada penerimaan aduan, proses siasatan, pemeriksaan saksi dan penggeledahan. Kajian ini dianggap wajar dilakukan untuk memberi pendedahan dengan lebih terperinci berkenaan penguatkuasaan kesalahan matrimoni perkahwinan tanpa kebenaran seperti mana perbahasan mengenai kesalahan jenayah syariah. Kajian turut mengutarakan cadangan terhadap isu penguatkuasaan kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran orang Islam di negeri Johor ini.

Pendahuluan

Setiap negeri di negara ini mempunyai institusi penguatkuasaan tersendiri. Menurut Deris dan Tajuddin, penguatkuasaan undang-undang di negara ini secara umumnya terbahagi kepada dua cabang utama iaitu penguatkuasaan sivil dan penguatkuasaan syariah (Deris & Tajuddin, 2015). Pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang di Malaysia sangat memelihara dan mengutamakan agama Islam sebagai agama rasmi negara sejajar dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan tanpa perlu mengetepikan kebebasan beragama dalam setiap individu. Berdasarkan hal itu, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sepenuhnya kepada institusi agama Islam termasuklah penguatkuasaan syariah untuk menjadi satu medium dalam pelaksanaan apa apa perkara berkaitan agama Islam. Ini termasuklah termasuk memantau kesalahan syariah sejajar dengan realiti sosio-politik dan sejarah Malaysia sebagai negara Islam (Mat Hussin et al., 2023). Justeru, prosedur perundangan setiap kesalahan yang dilakukan orang Islam haruslah mendasari hukum syarak meskipun perundangan Islam sentiasa dipinda dan digubal berdasarkan peredaran waktu.

Penggubalan undang-undang diperuntukkan bertujuan mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian terhadap kehidupan masyarakat termasuk undang-undang berkaitan kesalahan jenayah syariah (Samudin & Abu Bakar, 2023). Undang-undang kesalahan jenayah syariah di Malaysia telah dikategorikan kepada lima perkara. Pertama, kesalahan berkaitan akidah, kedua kesalahan berkaitan dengan kesucian agama Islam serta institusinya. Seterusnya, kesalahan-kesalahan yang mempunyai kaitan dengan tatasusila atau tata tertib seseorang, manakala kategori keempat berkaitan dengan kesalahan pelbagai dan terakhir kesalahan berkaitan matrimoni serta berkaitan akad nikah (Samudin, 2022). Kesalahan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran adalah termasuk dalam kategori kelima iaitu kesalahan matrimoni serta diperuntukkan di dalam Akta atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam setiap negeri dan kesalahan ini hanya boleh diselesaikan melalui prosedur perundangan.

Umumnya, prosedur di Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah sememangnya memakan masa dan kos pihak yang terlibat (Ngspar & Mat Hussin, 2023). Namun prosedur perundangan ini adalah antara medium terbaik yang boleh dilakukan dalam menyelesaikan masalah atau apa sahaja isu berkaitan matrimoni, begitu juga kesalahan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran (Towpek et al., 2023). Justeru, pensabitan hukuman perkahwinan tanpa kebenaran di mahkamah sudah tentu akan merujuk kepada Akta atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri yang boleh disabitkan hukuman penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM 1000 atau kedua-duanya sekali terhadap pesalah (Abdullah et al., 2021). Prosedur perundangan berkaitan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran turut diaplikasikan oleh setiap negeri di Malaysia dalam enakmen negeri masing-masing termasuk negeri Johor.

Bahagian Penguatkuasaan Syariah di negeri Johor sentiasa mengambil pelbagai inisiatif dalam memastikan penguatkuasaan kesalahan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran dapat diselesaikan dengan lebih tegas berdasarkan prosedur perundangan (JAIJ, 2022). Inisiatif yang dilaksanakan bertujuan meleraikan sifat ketidaksedaran dan kurangnya kefahaman mendalam mengenai hukum syarak serta proses undang-undang, begitu juga untuk mengubah persepsi pelaku yang menganggap bahawa denda yang dikenakan untuk kesalahan ini ringan dan mampu dibayar. Justeru, Pegawai Penguat Kuasa Agama di negeri Johor hendaklah memainkan peranan yang besar serta menguatkuasakan kesalahan ini secara relevan. Tindakan tersebut harus sejajar menurut setiap garis panduan yang telah ditetapkan agar mekanisme yang dilaksanakan sentiasa berada di tahap yang kompeten dalam bidang kuasanya.

Berdasarkan hal yang tersebut, perbincangan memfokuskan penguatkuasaan kesalahan matrimoni perkahwinan tanpa kebenaran sebagai aspek utama kajian berikutan negeri Johor terletak bersempadan dengan Batam, Indonesia dan dianggap sebagai salah satu faktor penambahan kes perkahwinan tanpa kebenaran di negeri Johor. Kajian juga menganalisis dan membincangkan dengan terperinci apakah mekanisme yang diaplikasikan oleh Bahagian Penguat Kuasa Syariah di negeri Johor terhadap kesalahan matrimoni khususnya kesalahan berkaitan berkahwin tanpa kebenaran di negeri tersebut.

Peranan Penguat Kuasa Agama terhadap Kesalahan Matrimoni dalam Undang-undang Keluarga Islam

Dalam Islam, konsep Penguat Kuasa Agama didefinisikan sebagai *hisbah* yang merupakan salah satu badan pentadbiran yang mengawasi setiap tindak tanduk masyarakat sama ada dalam hal ehwal akhlak, agama mahupun ekonomi (Arif & Zubaidah, 2019). Abdul Karim Zaidan turut menambah dengan menyatakan bahawa hukum pensyariat *hisbah* adalah fardu kifayah (Zaidan, 2001), manakala fardu ain jatuh ke atas orang yang telah dipertanggungjawabkan peranan *hisbah* tersebut (Mahmod, 2011). Pensyariat *hisbah* ini seperti mana firman Allah S.W.T dalam Surah Ali-Imran:

Terjemahan: Dan hendaklah di antara kamu ada satu pihak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan dan menyuruh untuk berbuat segala perkara yang baik serta melarang dari melakukan setiap perkara yang salah. Dan mereka yang bersifat demikian merupakan orang yang berjaya.

(Surah Ali-Imran, 3:104)

Ringkasnya, terdapat empat asas utama yang menjadi landasan dalam institusi *hisbah* seiring dengan tuntutan syarak iaitu *muhtasib* (wakil kepada pemerintah yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas), *muhtasab fih* (perkara yang menjadi fokus dalam tugas), *muhtasab 'alaih* (orang yang dijatuhkan tindakan atas kesalahan yang dilakukan) dan *ihtisab* (tindakan atau hukuman) (Qahhar et al., 2017). Keempat-empat unsur ini merupakan tunjang asas dan elemen-elemen utama untuk menubuhkan suatu badan yang mampu menguatkuasakan apa jua kesalahan berkaitan syarak dan perundangan. Elemen-elemen ini dinilai mampu turut diterapkan dalam institusi Islam pada masa kini di Malaysia. Sebagai contoh, bahagian penguatkuasaan syariah merupakan organisasi pentadbiran Islam yang mewakili masyarakat dalam menegakkan objektif *hisbah* iaitu *amar bil ma'ruf* dan *nahi munkar* dan tuntutan pelaksanaannya pula dipertanggungjawabkan ke atas setiap Pegawai Penguat Kuasa Agama. Peranan utama Pegawai Penguat Kuasa Agama yang merupakan seorang *muhtasib* ialah menangkap dan menyoyal siasat para pesalah iaitu *muhtasab 'alaih* atas kesalahan yang telah dikenal pasti (*muhtasab fih*). Namun *ihtisab* atau hukuman yang digazetkan menerusi peruntukan undang-undang jenayah atau mal tidak boleh

ditentukan oleh Pegawai Penguat Kuasa melainkan hakim syarie sahaja. Ini kerana keberadaan *muhtasib* atau penguat kuasa hanya ditugaskan menjalankan pengawasan bukan dalam penetapan hukuman.

Dalam konteks kerajaan, Bahagian Penguatkuasaan Syariah ialah suatu inisiatif untuk menguatkuasakan perundangan Islam ke atas masyarakat berkonsepkan *amar bil ma'ruf* dan *nahi munkar* melalui Pegawai Penguat Kuasa Agama. Berikutan merupakan salah satu badan yang mewakili kerajaan kerana dilantik dikalangan anggota perkhidmatan awam, tugas utama Pegawai Penguat Kuasa Agama ialah menasihati dan menguatkuasakan undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan. Setiap tugas yang diberikan turut melibatkan kerjasama dari pihak polis dan agensi persekutuan lain dalam kes-kes tertentu jika diperlukan (Samudin, 2022). Secara asasnya, fungsi pegawai penguat kuasa agama dalam menguatkuasakan kesalahan matrimoni akan melibatkan kepada tiga aspek utama. Pertama adalah penerimaan aduan daripada pihak ketiga atau pelaku sendiri. Kedua penyiasatan yang dilaksanakan terhadap saksi dan di tempat tertentu. Terakhir, penyediaan fail siasatan menurut bukti-bukti yang telah diperolehi (Samudin, 2022). Ketiga-tiga aspek yang ada dilihat hampir tiada perbezaan dengan penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah berikutan prosedur penguatkuasaan kesalahan matrimoni adalah sama seperti kesalahan jenayah syariah. Adapun fungsi Pegawai Penguat Kuasa Agama dalam aspek-aspek ini ada dibahaskan secara lebih terperinci di sub dapatan kajian.

Secara umumnya, perkahwinan tanpa kebenaran yang dilangsungkan oleh rakyat Malaysia seringkali terjadi di sempadan Thailand seperti Wilayah Songkhla, Yala, Narathiwat, Satun dan Pattani selain di Indonesia. Gejala perkahwinan tanpa kebenaran ini boleh dianggap kritikal kerana sentiasa meningkat saban tahun atas faktor yang pelbagai seperti kehendak untuk berpoligami, tidak mendapatkan keizinan ibu bapa dan keluarga, keengganan mematuhi prosedur pernikahan, ketelanjangan antara pasangan dan mengambil jalan yang dianggap mudah untuk bernikah (Wan Ismail et al., 2023; Darussamin et al., 2023). Menurut akhbar Sinar Harian (2019), statistik Permohonan Pengesahan Pernikahan oleh Rakyat Malaysia di negara tersebut yang direkodkan oleh Pejabat Konsul Malaysia di Songkhla Thailand telah menonjolkan perbezaan dari sudut peningkatan antara tahun 2017 iaitu sebanyak 4,375 dan 4,653 pada 2019. Akhbar Sinar Harian (2023) turut mendapatkan maklumat peningkatan statistik pernikahan daripada ejen nikah sempadan berkenaan kes perkahwinan di Thailand daripada 2021 hingga awal Januari 2023. Sebanyak 30 hingga 40 kes telah direkodkan setiap bulan berbanding 15 hingga 20 kes pada tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan mendadak ini berikutan pembukaan semula sempadan negara setelah hampir dua tahun ditutup berikutan penularan pandemik COVID-19 serta Perintah Kawalan pergerakan (PKP). Namun, kes yang dipaparkan berdasarkan statistik ini hanyalah yang berlaku di sempadan Thailand sahaja dan tidak termasuk pernikahan di negara-negara lain yang tidak didaftarkan atau dirahsiakan. Oleh itu, berkemungkinan statistik perkahwinan di luar negara tanpa kebenaran adalah lebih tinggi berbanding yang disebutkan.

Kesalahan berkahwin tanpa kebenaran tidak diertikan dari sudut syarak, tetapi majoriti para ulama' terdahulu meletakkan keizinan wali perempuan sebagai syarat sebuah perkahwinan (Mat Hussin, 2015; Darussamin et al., 2023; Indra et al., 2023). Pandangan ini dapat dilihat daripada pernyataan Imam Syafie bahawa seorang wanita samada yang telah baligh atau belum, anak dara ataupun janda yang ingin berkahwin, wajiblah melalui seorang wali untuk mengakadkannya. Wanita itu turut tidak dibenarkan untuk menikahkan dirinya sendiri meskipun diizinkan wali walaupun ada *ijab qabul* dalam akad perkahwinan tersebut (Al-Khin et al., 1413). Pendapat ini turut digunakan oleh Imam Malik dan Imam Hanbali dalam memastikan sesuatu perkahwinan sah di sisi syarak (Mat Hussin, 2015). Seterusnya, pandangan ini turut diaplikasikan di negara ini sebagai salah satu syarat dalam memastikan setiap perkahwinan adalah sah dari sudut syarak serta digazetkan dalam suatu garis panduan berbentuk peruntukan undang-undang berserta hukuman.

Antara bentuk-bentuk kesalahan berkaitan berkahwin tanpa kebenaran yang boleh dikuatkuasakan oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama menurut peruntukan undang-undang samada menerusi Akta, Ordinan dan Enakmen ialah; melaksanakan akad nikah perkahwinan yang tidak dibenarkan oleh pihak berkuasa (fasal 39), Kesalahan-kesalahan berhubungan dengan mengakad nikahkan perkahwinan (fasal 40(1)), Berkahwin secara bersalahan dengan bahagian II EUUKI (fasal 40(2)), tidak hadir di hadapan pendaftar dalam masa yang ditetapkan (fasal 35), poligami tanpa kebenaran mahkamah (fasal 124), akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan (fasal 38) dan percubaan atau subahat (fasal 34) (Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003). Setiap perbuatan salah berkaitan

perkahwinan tanpa kebenaran yang dilakukan oleh pelaku boleh disabitkan lebih dari satu kesalahan jika dipastikan oleh hakim syarie bahawa ianya berkaitan dan wajar disabitkan lebih dari satu hukuman.

Tafsiran Kesalahan Matrimoni Berkahwin tanpa Kebenaran menurut Undang-undang

Kamus Undang-undang telah mendefinisikan matrimoni secara teori sebagai gerbang perkahwinan serta *matrimonial proceeding* merupakan Prosiding Hal Ehwal Suami Isteri (Sudirman, 2012). Kesalahan matrimoni pula merujuk kepada suatu perbuatan salah yang dilakukan sama ada berpunca dari kesalahan suami, kesalahan isteri atau kesalahan bersama serta tidak menepati tujuan dan konsep perkahwinan yang sebenar dalam perundangan (Sabarudin, 2017). Kesalahan matrimoni dalam undang-undang syariah diletakkan sebaris bersama kategori kesalahan jenayah syariah walaupun secara praktikalnya bukanlah suatu tindakan jenayah. Ini kerana konsep pensabitan hukum yang dikenakan adalah mengikut tatacara jenayah dengan melalui perbicaraan dan penalti daripada mahkamah meskipun kebanyakan kesalahan matrimoni dan berkaitan akad nikah diperuntukkan di bahagian “*penalti*” dalam Akta atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Junaidi & Samudin, 2022). Justeru, dapat difahami bahawa kesalahan ini akan berlaku apabila berlakunya pelanggaran peraturan dalam institusi perkahwinan samada baru atau telah lama dilangsungkan.

Tidak ada peruntukan undang-undang yang mendefinisikan secara khusus perkahwinan tanpa kebenaran melainkan penjelasan kesalahan melalui peruntukan yang dihuraikan dalam fasal atau seksyen berkaitannya dalam Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-negeri masing-masing (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor, 2003). Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia Musa Awang ada menjelaskan bahawa kesalahan berkahwin tanpa kebenaran bagi perkahwinan bukan poligami (bujang) haruslah mendapatkan keizinan pihak pendaftar manakala perkahwinan poligami pula hendaklah mendapat kebenaran Mahkamah Syariah (Suhaini, 2020). Namun jika akad nikah telah berlaku tanpa kebenaran pihak berwibawa dan disabitkan suatu pelanggaran terhadap undang-undang keluarga Islam negeri-negeri, pelaku boleh dijatuhkan hukuman denda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali (Suhaini, 2020).

Peruntukan undang-undang di Malaysia telah menghuraikan jenis-jenis perkahwinan yang dianggap menyalahi undang-undang Islam di negara ini. Antaranya poligami tanpa kebenaran mahkamah, penceraian tanpa kebenaran mahkamah, menganiaya isteri atau suami, kesalahan-kesalahan berhubung akad nikah perkahwinan dan sebagainya. Kesemua peruntukan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran boleh dirujuk menerusi peruntukan Akta, Ordinan atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri di Malaysia. Namun kajian ini memilih enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor (2003) sebagai peruntukan utama.

Berdasarkan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor (2003) mengenai perkahwinan yang dilaksanakan tanpa kebenaran telah diperuntukkan dalam fasal 18, fasal 23 dan fasal 40(2). Fasal 40 (2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor (2003) telah memperuntukkan bahawa:

- (2) Seseorang yang berkahwin atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai akad nikah atau yang menjalani sesuatu cara akad nikah dengan sesiapa juga berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.

Peruntukan ini menyatakan dengan terperinci bahawa setiap perkahwinan tidak boleh sama sekali melanggar proviso perundangan yang tertakluk dalam bahagian II enakmen yang sama. Secara ringkasnya, Bahagian II menghuraikan perkara mengenai orang yang boleh mengakadnikahkan perkahwinan, pertalian yang melarang suatu perkahwinan, perkahwinan berlainan agama, perkahwinan yang tidak sah di sisi syarak, permohonan kebenaran untuk berkahwin, tempat berkahwin, mas kahwin, pendaftaran perkahwinan, akad nikah di luar negeri atau luar negara dan perkahwinan yang tidak boleh didaftarkan (Disemadi *et al.*, 2020).

Dalam kes *Sarina Sarman dan Taufix Azhar lwn JAINJ* (Kes Mal No: IP/01/JBA/00105/2019) telah disyaki bernikah tanpa kebenaran di Thailand menggunakan wali hakim. Meskipun perkahwinan adalah sah di sisi syarak namun pelanggaran terhadap peruntukan tersebut boleh disabitkan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali bertepatan dengan hukuman yang diperuntukkan oleh fasal 40(2) Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor.

Walau bagaimanapun dalam beberapa kes seperti perkahwinan bawah umur, perkahwinan janda berhias dan wali enggan, terdapat beberapa syarat tambahan untuk merujuk kepada perintah Hakim Syarie sebagaimana yang disebutkan dalam fasal 18 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor (2003):

(1) Dalam mana-mana kes berikut, iaitu:

(a) Jika salah satu pihak kepada perkahwinan yang dicadangkan itu adalah di bawah umur yang dinyatakan dalam seksyen 8.

(b) Jika pihak perempuan tidak mempunyai wali dari nasab, mengikut Hukum Syarak atau jika wali tidak dapat ditemui atau jika wali enggan memberikan persetujuannya tanpa sebab yang mencukupi yang dinyatakan dalam seksyen 13(b). Maka Pendaftar hendaklah merujuk permohonan itu kepada Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat perempuan itu bermastautin.

(2) Hakim Syarie, apabila berpuashati tentang kebenaran perkara-perkara yang disebut dalam permohonan itu dan tentang sahnya perkahwinan yang dicadangkan itu dan bahawa kes itu adalah kes yang mewajarkan pemberian kebenaran bagi maksud-maksud seksyen 8, atau kebenaran bagi maksud-maksud subseksyen 14(3), atau persetujuannya terhadap perkahwinan itu diakadnikahkan oleh wali hakim bagi maksud-maksud perenggan 13(b), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah pada bila-bila masa selepas permohonan itu dirujuk kepadanya dan setelah dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan kepada pemohon kebenarannya untuk berkahwin dalam borang yang ditetapkan.

Bagi poligami, fasal 23 Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor menghurai dengan mendalam akan proviso dan prosedur permohonan poligami. Prosedur poligami yang sama turut diperuntukkan di dalam Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri lain melainkan negeri Perlis yang tidak mensyaratkan keberadaan isteri terdahulu dalam proses poligami di mahkamah seperti mana yang terkandung dalam seksyen 23 Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perlis (Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perlis 2006). Begitu juga negeri Kelantan yang mempunyai proviso berbeza iaitu perlu memenuhi empat perkara di dalam Undang-undang keluarga Islam Kelantan sebelum mendapat kebenaran Mahkamah Tinggi (Abdul Rahim, 2023). Secara ringkasnya, setiap permohonan poligami perlulah mendapatkan kebenaran bertulis setelah melalui prosiding mahkamah bersama para isteri dan sesiapa yang layak untuk memberikan keterangan. Kebaikan dari prosiding permohonan poligami supaya para isteri dapat menerima hak masing-masing secara adil antaranya dari sudut harta dan nafkah (Mat Hussin et al., 2023). Tanggungjawab lelaki dalam memberikan nafkah turut berlaku kepada anak-anak meskipun berlaku perceraian dalam perkahwinan di masa akan datang (Mat Hussin & Fauzi, 2023). Namun, perkahwinan poligami yang tidak melalui proses tersebut akan mengakibatkan kesukaran pihak isteri dan anak-anak untuk menuntut semula hak mereka di sudut perundangan kerana ketiadaan dokumen atau kebenaran bertulis.

Oleh itu, perkahwinan poligami yang tidak mendapatkan kebenaran bertulis dianggap penting dalam suatu perkahwinan dan tidak boleh sama sekali dipandang remeh akan disabitkan sebagai salah satu kesalahan berkahwin tanpa kebenaran sebagaimana yang disebutkan dalam fasal 124 Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor mengenai poligami tanpa kebenaran mahkamah:

Jika salah seorang lelaki berkahwin lagi di mana-mana juga tempat dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada mahkamah maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.

Sebagai contoh dalam kes poligami tanpa kebenaran mahkamah iaitu *Mohd Firdaus dan Bella Yuanto Permata Sari* (Kes Mal No: IP/01/JBA /00082/2022) telah berkahwin di Thailand secara salah. Mohd Firdaus yang merupakan pemastautin negeri Johor telah disabitkan dengan dua hukuman iaitu di bawah fasal 142 Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor kerana berpoligami tanpa kebenaran dan fasal 40(2) Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor kerana berkahwin tanpa kebenaran. Akan tetapi di dalam kes ini, Bella Yuanto tidak dikenakan hukuman yang tersebut kerana merupakan warganegara Indonesia. Berdasarkan kes ini, pelaku turut boleh disabitkan lebih daripada satu hukuman dalam setiap kesalahan yang dilakukan, namun mestilah berdasarkan bukti dan dokumen yang kukuh.

Berdasarkan kepada keseluruhan peruntukan keseluruhan fasal-fasal di atas, perkahwinan tanpa kebenaran boleh bersangkutan kepada dua elemen utama untuk disabitkan iaitu; pertama, perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar yang melanggar aturan perundangan dan berlaku di kalangan pasangan bujang yang belum pernah berkahwin namun tidak mempunyai isu yang memerlukan percabaran di dalam mahkamah. Kedua ialah perkahwinan tanpa kebenaran mahkamah yang berlaku dalam kalangan pasangan bujang serta mempunyai isu seperti masalah umur, wali enggan, janda berhias dan poligami yang tidak melalui prosiding mahkamah.

Justeru, adalah menjadi keperluan kepada setiap masyarakat untuk mengesahkan perkahwinan dari sudut syarak mahupun perundangan agar terhindar daripada implikasi negatif yang akan datang. Antaranya ialah perkahwinan tidak sah di sisi syarak akibat jurunikah tidak bertauliah, isteri digantung tidak bertali, sukar mendapatkan sijil kelahiran anak-anak di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sukar untuk membuat tuntutan mahkamah seperti urusan pernikahan, perceraian, pewarisan, harta pusaka dan harta sepencarian (Wan Ismail, 2023). Salah satu kes yang memperlihatkan kesan negatif di sisi undang-undang ialah kes melibatkan status serta pendaftaran anak yang telah direkodkan oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama dalam kes *Norshazrin binti Ismail lwn JAINJ* (Kes Mal No: IP/01/JBA /00043/2020). Pemohon terpaksa melalui proses mendapatkan sijil nikah bersama penguatkuasaan syariah terlebih dahulu untuk mendaftarkan kelahiran anaknya yang telah berusia 16 tahun walaupun suaminya telah meninggal dunia. Selain itu, kes antara *Morad bin Shafie dan Haslinda binti Syafie lwn Majlis Agama Islam Kedah* (Kes Mal No.22/98) yang didapati perkahwinan mereka tidak sah di sisi syarak berfaktor wali kepada pengantin perempuan masih ada dan jurunikah tidak mempunyai tauliah. Justeru, impak negatif daripada perkahwinan yang tidak sah dari sudut syarak ialah mahkamah mempunyai kuasa untuk memfaraqkan perkahwinan yang telah dilangsungkan tersebut dan mencadangkan kepada akad nikah yang baru.

Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan kualitatif dengan temu bual separa struktur secara bersemuka serta kaedah penelitian dokumentasi bersifat kepustakaan dan dianalisis secara kandungan. Berdasarkan penelitian awal, penguatkuasaan bagi kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran di negeri Johor tidak banyak dibahaskan berikutan kebanyakannya tertumpu kepada faktor, implikasi dan kes-kes mahkamah di daerah tertentu. Bahkan tidak banyak kajian berkaitan penguatkuasaan bagi kesalahan matrimoni yang dibahaskan dalam kajian sebelum ini. Justeru, kajian ini dilihat mempunyai lakuna untuk dikupas dengan lebih terperinci untuk menonjolkan garis panduan serta mekanisme penguatkuasaan syariah kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran dengan memfokuskan keseluruhan negeri Johor sebagai fokus utama.

Menerusi temu bual secara bersemuka, responden yang terlibat merupakan tiga orang pegawai berautoriti dalam perundangan syariah yang bertugas di Unit Siasatan serta Unit Operasi dari Bahagian Penguatkuasaan Syariah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Pendakwa syarie di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor. Manakala penelitian secara dokumentasi dilakukan melalui bahan bacaan ilmiah melalui buku, artikel, tesis dan dokumen dari tempat kajian serta laman web rasmi organisasi atau akhbar yang berkaitan bertujuan memastikan kesahan maklumat dari temu bual.

Selain berdasarkan pengalaman, keupayaan dan bidang kuasa, pemilihan dua Orang Pegawai Penguat Kuasa Agama adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara mendalam berhubung dengan penguatkuasaan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran ini. Manakala pemilihan pendakwa syarie berfaktor daripada gerak kerja yang mempunyai hubung kait dengan Pegawai Penguat Kuasa Agama dalam pengendalian kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran seperti maklumat yang dikongsi melalui sistem *online* e-jinayat. Kedua-dua pihak berautoriti ini akan terlibat secara langsung dalam memastikan

laporan atau fail siasatan adalah lengkap tanpa sebarang maklumat bercanggah. Secara umumnya, keseluruhan data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan data dari bahan dokumentasi dan analisis tematik secara manual dalam menganalisis data temu bual daripada para responden seterusnya menemukan mekanisme yang terperinci dalam menguatkuasakan kesalahan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran.

Garis Panduan Penguatkuasaan berhubung Kesalahan Berkaitan Perkahwinan tanpa Kebenaran

Terdapat empat garis panduan yang disediakan untuk membantu penguat kuasa dalam menjalankan peranan. Menurut Informan 1 dan Informan 2, kesemua garis panduan tersebut bertujuan supaya segala tindakan diambil menepati undang-undang, etika, bidang kuasa dan tatacara yang dibenarkan.

Setiap garis panduan perlu difahami oleh para pegawai supaya tindakan yang dilaksanakan adalah berdasarkan punca kuasa yang digariskan.

(Informan kajian 1, temu bual, September 19, 2022)

Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007

Cadangan awal arahan ini bermula dari tahun 2005 dan telah dipersetujui serta dirangka dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) pada 7 Jun 2007 dengan dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi oleh Seksyen Syariah, Jabatan kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Peguam Negara (AGC), pengamal undang-undang, ahli akademik (Deris & Tajuddin, 2015) dan Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah JAKIM (BPPPS) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Dengan ini, Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 merupakan suatu garis panduan umum yang terpakai untuk setiap negeri (Ismail, 2008).

Arahan ini mengandungi peraturan berkaitan akta, ordinan dan akta tatacara jenayah seperti tatacara penerimaan maklumat, tatacara menjalankan siasatan, tatacara penyediaan kertas siasatan, tatacara penyediaan laporan kes, pengendalian benda yang telah disita, bahagian am dan jadual mengenai cadangan kepada kandungan kertas siasatan (Azhar *et al.*, 2018). Secara amnya, arahan ini merupakan penjelasan Akta atau Enakmen Tatacara Jenayah Syariah sedia ada kerana bahasa yang digunakan lebih mudah dan dapat difahami oleh pegawai yang tidak mempunyai latar belakang perundangan (Deris & Tajuddin, 2015).

Meskipun begitu, arahan ini bersifat umum dan memerlukan garis panduan yang lebih khusus serta jelas supaya lebih difahami oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama yang baru (Ibrahim & Samudin, 2022). Ini disebabkan arahan ini hanya menumpukan kepada proses operasi dan siasatan sahaja serta tiada penghuraian tatacara pada peringkat pendakwaan, setelah kes didaftarkan di mahkamah dan dibicarakan; walhal pegawai siasatan masih memainkan peranan besar pada peringkat-peringkat ini (Deris & Tajuddin, 2015). Antaranya ialah menjadi saksi dalam prosiding perbicaraan di mahkamah apabila diperlukan. Justeru itu, arahan ini dianggap masih mempunyai kelompangan dalam beberapa perkara penting berkaitan penguatkuasaan serta memerlukan kepada pindaan baru yang menjurus secara khusus kepada bidang kuasa penguatkuasaan syariah untuk memudahkan Pegawai Penguat Kuasa Agama menjalankan tugas mereka terutama dalam perkara yang mendasari kepada kesalahan matrimoni berkahwin tanpa kebenaran.

Kod Etika Pegawai Penguat Kuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2019

Kod etika ini telah bermula seawal tahun 2008 yang diterbitkan oleh JAKIM khusus untuk Pegawai Penguat Kuasa Agama mengenai perilaku yang wajib diamalkan dan diaplikasikan. Secara dasarnya, Kod Etika terbahagi kepada lima bahagian iaitu; nama, pemakaian, tata kelakuan khusus, tata kelakuan umum dan am. Objektif garis panduan ini agar setiap tindakan penguat kuasa agama selari dengan tugas mereka serta membina sifat keadilan dalam diri seorang Islam. Justeru, apa sahaja perbuatan penguat kuasa agama yang bertentangan dengan Kod Etika akan membolehkannya dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Deris & Tajuddin, 2015).

Beberapa tahun kemudian, kod etika ini telah diperbaharui dan dilancarkan semula secara rasmi pada tahun 2019 oleh bekas menteri di Jabatan Agama ketika itu iaitu YB Datuk Seri Mujahid Yusof. Kod etika ini tetap menggariskan objektif yang sama iaitu sebagai panduan dari sudut tugas dan etika Pegawai Penguat Kuasa Agama yang perlu dipraktikkan ketika menjalankan tugas. Penerapan etika ini bertujuan meningkatkan semula kecekapan dan profesionalisme para pegawai bertepatan setiap kod etika yang digariskan (Arifin, 2019). Terdapat falsafah utama lain yang diterapkan dalam kod etika ini iaitu mengajak berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran, melaksanakan tugas dengan penuh hikmah serta amanah. Bahkan setiap tindakan yang dilakukan seperti siasatan mestilah berasaskan pengadilan dan pertimbangan yang wajar (Anon, 2019).

Fasal-fasal Menurut Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor 2003 (ETJSNJ)

Dalam memastikan piawai dapat dicapai dengan lebih sistematik, penguatkuasaan syariah negeri Johor telah mengaplikasikan beberapa fasal melalui peruntukan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor (2003) sebagai punca kuasa dalam menguatkuasakan tindakan bagi kesalahan berkahwin tanpa kebenaran. Ini dapat dilihat menerusi fasal-fasal dalam bahagian empat enakmen ini yang digubal khusus untuk penguat kuasa agama dalam mengendalikan kesalahan jenayah syariah termasuk kesalahan matrimoni berkahwin tanpa kebenaran agar lebih kompeten dan menepati garisan undang-undang (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor, 2003). Berdasarkan fasal-fasal tersebut juga, dapat diklasifikasikan bahawa terdapat tiga peringkat utama yang telah diaplikasikan dalam penguatkuasaan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran yang meliputi aspek aduan, aspek pelaksanaan siasatan dan aspek penyediaan fail siasatan. Secara keseluruhannya, fasal-fasal tersebut boleh dirujuk sebagaimana dalam jadual berikut:

Jadual 1. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor (2003)

Bil.	Peruntukan Fasal	Kandungan Fasal
1	Fasal 54	Maklumat
2	Fasal 55	Tatacara
3	Fasal 58	Kuasa Untuk Mengehendaki Kehadiran Saksi
4	Fasal 59	Pemeriksaan Saksi oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama
5	Fasal 60	Pernyataan Kepada Pegawai Penguat Kuasa Agama Tidak Boleh diterima Sebagai Keterangan
6	Fasal 63	Pengegedahan oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama
7	Fasal 66	Laporan Pegawai Penguat Kuasa Agama

Berdasarkan fasal 54, setiap aduan yang diterima haruslah dilakukan secara bertulis oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama dengan mencatatkan tarikh, waktu serta mendapatkan tandatangan pengadu. Fasal 55 telah memperuntukkan jika perkara yang diadu adalah kesalahan tidak boleh tangkap, maka kes hendaklah dibawa kepada pihak atasan untuk membolehkan siasatan dijalankan.

Seterusnya, fasal 58 menjelaskan bahawa Pegawai Penguat Kuasa Agama juga berhak untuk memanggil saksi-saksi yang berkaitan untuk hadir jika perlu. Adapun fasal 59 menghuraikan peruntukan berkenaan cara-cara penyiasatan yang dilaksanakan oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama ke atas saksi dan fasal 60 memperuntukkan bentuk-bentuk pernyataan yang dibuat oleh saksi dan dianggap sebagai suatu keterangan. Akhir sekali, fasal 66 memperuntukkan Pegawai Penguat Kuasa Agama dikehendaki untuk menghantar laporan kepada Ketua Pendakwa Syarie setiap kali selesai melakukan siasatan berserta maklumat-maklumat yang diperolehi dalam siasatan dengan lengkap (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor, 2003).

Selain menguatkuasakan berlandaskan elemen-elemen berkahwin tanpa kebenaran yang diperuntukkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor, penguatkuasaan juga wajib mendasari enakmen tatacara jenayah syariah yang disebutkan di atas untuk mencapai kesempurnaan dalam tindakan yang berkaitan. Dapat dinilai bahawa fasal-fasal yang diperuntukkan seperti ini adalah lebih menyeluruh dan mudah untuk dirujuk berbanding dengan garis panduan lain yang dirangka secara umum. Bahkan, rujukan kepada enakmen tatacara jenayah ini boleh diaplikasikan dalam menguatkuasakan kesalahan jenayah syariah mahupun kesalahan matrimoni.

Piawaian Prosedur Operasi Jabatan Agama Islam Johor (JAINJ)

Salah satu dokumen yang menjadi panduan kepada Penguat Kuasa adalah Piawaian Prosedur Operasi JAINJ yang dirangka dan disusun oleh Bahagian Penguatkuasaan Syariah Negeri Johor pada tahun 2019. Menurut informan kajian 3:

Dokumen ini yang adalah sangat penting, kerana ia menjadi punca kuasa kepada keseluruhan unit di bawah Bahagian Penguatkuasaan Syariah tersebut iaitu Unit Operasi, Unit Siasatan dan Unit Pentadbiran. Dokumen ini juga sentiasa dipantau dan dipinda mengikut kesesuaian.

(Informan kajian 3, temu bual, September 19, 2022)

Antara kandungan yang disusun dalam piawaian ini mengenai bidangkuasa unit pentadbiran, unit operasi dan unit siasatan berdasarkan tiga punca kuasa utama iaitu Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor (2003), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003) dan Enakmen Undang-Undang keluarga Islam Negeri Johor (2003) (JAINJ, t.th.). Dalam menumpukan kepada kesalahan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran, unit siasatan merupakan pihak paling penting untuk menguatkuasakan dan mengendalikan kesalahan tersebut. Begitu juga unit operasi yang akan turut melaksanakan tugas jika diperlukan dalam keadaan tertentu.

Dapatan dan Hasil Kajian

Mekanisme Penguatkuasaan Kesalahan Berkaitan Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Pengesahan suatu pernikahan di sisi undang-undang akan diberikan setelah dipastikan bahawa perkahwinan yang dilangsungkan adalah sah di sisi syarak. Berdasarkan statistik kes yang telah diberikan oleh bahagian penguatkuasaan syariah daripada tahun 2019 hingga 2021, kebanyakan kesalahan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran yang perlu melalui prosedur perundangan majoritinya ialah perkahwinan yang dilaksanakan tanpa kebenaran pihak berkuasa (Fasal 40 (2)), Poligami tanpa kebenaran mahkamah (Fasal 124) dan lambat mendaftarkan pernikahan (Fasal 35). Terdapat beberapa tindakan lain yang turut diambil kira berhubung kait dengan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran seperti kesalahan melakukan percubaan dan subahat (Fasal 134), membuat akuan palsu untuk mendapatkan perkahwinan (Fasal 38) dan mengakadnikahkan orang (Fasal 39). Statistik yang disebutkan adalah seperti berikut:

Statistik Bilangan Kes Kesalahan Berkaitan Perkahwinan Tanpa Kebenaran Berdasarkan Seksyen dari Tahun 2019 hingga 2021

Jadual 2. Analisis Statistik Penguatkuasaan Syariah Negeri Johor, 19 September 2022

Tahun	Kod Fasal						
	35	38	39	40 (1)	40 (2)	124	134
2019	383	2	0	4	439	287	125
2020	209	0	0	0	236	106	58
2021	131	0	0	0	147	96	31
Jumlah	723	2	0	4	822	489	214

Bagi memastikan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran ini dapat ditangani mengikut perundangan, terdapat beberapa prosedur yang harus dilalui oleh Orang yang disyaki (OYDS) yang akan dikuatkuasakan oleh pihak berautoriti bagi menentukan tiap-tiap kesalahan layak untuk diteruskan dan boleh di bawa ke mahkamah. Hasil kajian memperolehi terdapat empat mekanisme yang diaplikasikan oleh Para Pegawai Penguatkuasa Agama yang bertugas dalam menguatkuasakan kesalahan matrimoni berkahwin tanpa kebenaran iaitu proses penerimaan aduan, siasatan, menjalankan pemeriksaan saksi dan penggeledahan jika perlu. Selain itu, terdapat mekanisme atau prosedur yang turut mempunyai kaitan dengan keterlibatan Pendakwa Syarie sebelum dan selepas penguatkuasaan dilaksanakan. Huraiananya akan dijelaskan sebagaimana berikut:

Penerimaan Aduan atau Laporan

Setiap aduan atau laporan yang diterima hendaklah ditulis semula secara rasmi dalam bentuk bertulis sama ada butiran aduan tersebut dari pengadu sendiri atau ditulis oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama berdasarkan maklumat dari pengadu. Maklumat tersebut hendaklah lengkap dengan catatan waktu, tarikh berserta tandatangan orang yang memberi maklumat tersebut (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor, 2003). Melalui aduan tersebut, Pegawai Penguat Kuasa Agama akan mengkategorikan aduan tersebut dalam kategori kesalahan boleh tangkap atau tidak boleh tangkap (Abu Hasan, 2019). Pengklasifikasian ini penting dalam memastikan tindakan seterusnya dapat dilaksanakan bertepatan dengan elemen-elemen suatu kesalahan yang diadukan. Bagi kesalahan matrimoni berkahwin tanpa kebenaran, ia dikategorikan kesalahan tidak boleh tangkap dan memerlukan kepada waran jika terpaksa untuk melaksanakannya berdasarkan nilai elemen-elemen yang munasabah.

Informan kajian 2 menyatakan kebanyakan aduan diterima daripada orang yang disyaki atau OYDS secara sukarela dan bukan kerana tangkapan atau paksaan. Selain itu, beliau turut menambah:

Melalui aduan yang dilakukan oleh orang ketiga atau orang awam, OYDS yang dilaporkan dikehendaki hadir ke Kaunter Nikah, Cerai dan Rujuk (NCR) untuk memastikan suatu perkahwinan belum didaftarkan di dalam sistem.

(Informan kajian 2, temu bual, September 19, 2022)

Rekod berkenaan aduan di penguatkuasaan syariah juga telah memperlihatkan bahawa tidak semua kes yang diadukan akan berjaya di selesaikan. Berikut ialah statistik yang dilaporkan bermula tahun 2019 hingga 2021:

Jadual 3. Analisis Statistik Penguatkuasaan Syariah negeri Johor, 19 September 2022

Bil	Tahun	2019	2020	2021
1	Aduan Diterima	259	221	523
2	Aduan Selesai	243	153	457

Hal ini bergantung kepada kerjasama dari pihak yang memberi aduan, keterbatasan bidang kuasa penguatkuasaan, ketepatan dan kesempurnaan dalam setiap aduan. Perkara ini dapat turut direkodkan berdasarkan jenis di bawah:

Jadual 4. Analisis Statistik Penguatkuasaan Syariah negeri Johor, 19 September 2022

Bil	Jenis Aduan	Tahun		
		2019	2020	2021
1	Aduan Tepat	457	243	153
2	Aduan Kurang Tepat / Kurang Lengkap	66	16	68
3	Aduan Palsu	0	0	0
4	Aduan Luar Bidang Kuasa	0	0	0
5	Aduan KIV	0	0	0

Dalam penerimaan aduan tersebut, Pegawai Penguat Kuasa Agama akan menerima notis serentak dari Kaunter Nikah Cerai dan Rujuk yang mengandungi arahan dari pendakwa bahawa kes tersebut boleh di bawa ke proses siasatan. Ini berikutan bentuk aduan yang dibuat oleh orang awam atau pihak ketiga memerlukan OYDS untuk melaporkan status perkahwinan tersebut ke Kaunter Nikah, Cerai dan Rujuk (NCR) di Pejabat Kadi yang berdekatan.

Sementara itu, dokumen aduan atau Borang Lima juga harus disempurnakan oleh OYDS yang mengandungi pengesahan pemastautin, salinan cop keluar masuk tempat pernikahan, salinan passport atau kad pengenalan, salinan sijil nikah dan surat pengesahan nikah konsulat. Seterusnya, Ketua Pendakwa Syarie akan meluluskan untuk meneruskan proses siasatan dan kes hendaklah didaftarkan dalam Daftar Siasatan Kes. Dokumen yang telah sempurna akan disatukan dalam fail khas dan dikategorikan sebagai suatu kes dalam siasatan.

Proses Siasatan

Fasal 59 memperuntukkan Pegawai Penguat Kuasa Agama mempunyai bidang kuasa untuk menyoal siasat secara lisan OYDS dan dikehendaki untuk memindahkan setiap fakta atau keterangan tersebut dalam bentuk bertulis. Pegawai penguat kuasa juga bertanggungjawab untuk menjelaskan kepada OYDS bahawa setiap fakta yang diberikan adalah terikat di sisi undang-undang dan memerlukan kepada fakta yang benar (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor, 2003). Kegagalan mengemukakan fakta yang benar atau enggan menjawab setiap soalan yang dikemukakan pegawai siasatan menyebabkan OYDS boleh didakwa atas suatu kesalahan (Aziz, 2016). Dalam temu bual bersama informan kajian 1, beliau menyebutkan bahawa siasatan akan dilakukan berpandukan kepada soalan utama atau soalan spontan dari pegawai siasatan yang bertugas dalam ruangan tertutup yang hanya melibatkan pegawai siasatan dan OYDS sahaja. Seterusnya, beliau menyatakan:

Kalau ditanya berkenaan masa, terpulang kepada kes. Kalau kes susah, boleh jadi lebih 3 jam. Tapi biasanya 1 hingga 3 jam. Lepas *tu*, walaupun kita dibolehkan catat secara bertulis fakta-fakta siasatan, tapi kita tak boleh rakam suara atau video kecuali jenis kes tertentu sebab semua fakta *tu* sulit.

(Informan kajian 1, temu bual, November 27, 2022)

Sebelum proses siasatan dilakukan, Pegawai Penguat Kuasa Agama akan menetapkan janji temu terhadap OYDS setelah aduan selesai dilakukan dan menerima arahan daripada Ketua Pendakwa Syarie (KPS) untuk memulakan sesi soal siasat. Proses siasatan akan bermula setelah 14 hari penyerahan dokumen pemohon atau OYDS. Walau bagaimanapun, terdapat proses siasatan yang berjalan lebih lama berikutan tiada kerjasama daripada OYDS seperti dokumen yang diberikan masih tidak sempurna atau tidak hadir janji temu yang dijadualkan. Berkenaan hal ini, informan kajian 3 turut menambah:

Pegawai siasatan boleh panggil balik OYDS kalau tak puas hati dengan kenyataan dia orang. *So*, OYDS wajib datang balik kalau tak nak ada masalah dan tindakan lain pada masa akan datang.

(Informan kajian 3, temu bual, September 19, 2022)

Sementara itu, penyediaan kertas siasatan atau fail siasatan dalam kesalahan matrimoni hampir tiada perbezaan dengan kes jenayah sama ada dari sudut kaedah atau format. Antara kandungan yang perlu ada di dalam fail siasatan ialah diari siasatan, pelaksanaan kertas siasatan, perincian kandungan kertas siasatan dan pencatatan minit yang mengandungi arahan, penyeliaan serta penyiasatan kes. Hasil siasatan yang telah sempurna akan dikemaskini di dalam Sistem Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah Malaysia (*e-Jinayat*) supaya informasi dari Penguatkuasaan Syariah kepada Pendakwaan Syariah adalah selari sebagaimana fail siasatan yang bertulis. Fail siasatan yang disempurnakan akan diserahkan kepada pihak pendakwaan untuk dibawa ke perbicaraan.

Berdasarkan proses yang dinyatakan, kebergantungan untuk menyelesaikan siasatan adalah tertakluk kepada OYDS serta maklumat yang diberikan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat kesukaran penyiasatan yang melibatkan perkahwinan di luar negara tanpa izin seperti sempadan Thailand. Meskipun perkahwinan di negara tersebut berlaku di hadapan kadi yang diiktiraf serta di Majlis Jawatankuasa Agama Islam yang umumnya mempunyai bidang kuasa dalam hal matrimoni seperti akad nikah, perceraian dan *hadhanah* namun pembuktian dari sudut dokumen tetap diperlukan dalam memastikan keabsahannya dari sudut syarak (Samah et al., 2023). Hal ini disebabkan kebanyakan pelaku juga hanya berpandukan kepada ejen nikah dan mempercayai ejen tersebut tanpa memikirkan kesan untuk pembuktian dalam pendaftaran pernikahan.

Pegawai Penguat Kuasa Agama juga tidak mempunyai kuasa untuk menangkap OYDS yang gagal menghadiri janji temu yang dijadualkan melainkan dalam keadaan dan proses tertentu. Walaupun keadaan ini memperlihatkan kurangnya ketegasan dalam proses siasatan, terdapat beberapa kes yang memaksa Pegawai Penguat Kuasa Agama melakukan tangkapan dengan waran kepada OYDS jika didapati adanya akuan palsu dalam dokumen yang diberikan kerana akan menyulitkan proses seterusnya. Selain itu, prosedur yang diamalkan oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama dalam melakukan siasatan hanya

berpandukan kepada garis panduan yang dibekalkan dan perlu memastikan punca kuasa yang digunakan adalah bersesuaian dengan elemen-elemen perundangan.

Justeru, dapat dilihat melalui statistik kes yang telah disiasat di penguatkuasaan syariah, majoritinya telah berjaya diserahkan ke pihak pendakwaan untuk tindakan seterusnya. Manakala, hanya sedikit sahaja baki kes yang belum selesai dan kes-kes yang masih belum selesai dari tahun sebelumnya.

Jadual 5. Rekod Kes di Peringkat Siasatan dari Analisis Statistik Penguatkuasaan Syariah Negeri Johor (2022)

Bil	Tahun	2019	2020	2021
1	Fail Yang Telah Diserahkan Ke Pendakwaan	455	239	150
2	Fail Yang Belum Selesai	2	4	3
3	Baki Fail Kes Tahun Sebelum	3	2	4
Jumlah Keseluruhan Fail Kes Siasatan		457	243	153

Pemeriksaan Saksi

Dalam proses siasatan, Pegawai Penguat Kuasa uasa Agama yang menjalankan tugas berhak untuk memanggil sesiapa sahaja yang dirasakan perlu untuk memberi maklumat berkaitan dengan sesuatu kesalahan serta berhak menangkap dengan waran bagi sesiapa yang enggan (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor, 2003). Antara saksi yang akan dipanggil ialah pihak yang mempunyai kaitan dan mempunyai pengetahuan mengenai akad nikah yang dilangsungkan secara salah seperti dua orang saksi, wali, pengantin lelaki atau pengantin perempuan. Para saksi akan didakwa menurut Enakmen Undang-undang keluarga Islam Negeri Johor (2003) mengenai subahat jika sabit kesalahan. Menurut informan kajian 1:

Biasanya kita pun cadang dakwa *jugak*. Cadang tuduh di bawah seksyen 134 iaitu subahat.

(Informan kajian 1, temu bual, November 27, 2022)

Walau bagaimanapun, bidang kuasa untuk memeriksa saksi dari luar negeri Johor hanya terbatas untuk memanggil serta menyiasat sahaja dan bukan menangkap meskipun dengan waran berikutan bidang kuasa penguat kuasa hanyalah tertakluk di negeri Johor sahaja. Menerusi tindakan pemeriksaan terhadap saksi yang berkaitan, penguatkuasaan dilihat telah membuat suatu mekanisme yang tepat dalam memastikan segala maklumat di dalam fail siasatan adalah sempurna sebelum di bawa ke pendakwaan. Ini sekali gus memperlihatkan penguatkuasaan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran turut bersifat kompleks seperti kes-kes lain yang dikuatkuasakan.

Pengegedahan

Fasal 63 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah memperuntukkan bahawa Pegawai Penguat Kuasa Agama atau pihak yang diberi kuasa oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama dalam perintah bertulis mempunyai kuasa menggeledah untuk mencari dokumen atau apa-apa sahaja di sesuatu tempat jika perlu (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor, 2003). Berdasarkan temu bual bersama Pegawai unit siasatan, informan kajian 3 dan 1 menyatakan bahawa pengegedahan yang dibuat bagi kesalahan berkahwin tanpa kebenaran adalah menuju ke suatu tempat untuk memastikan alamat mastautin atau alamat tempat nikah bertepatan sebagaimana maklumat dan beban bukti yang diberikan OYDS dan dijalankan oleh unit operasi dan unit siasatan sendiri.

Ya kita memang akan pergi, contoh apa mastautin alamat dia tu kita akan pergi. Ambil gambar rumah tu. Kita akan tanya jiran betul ke duduk sini? Kalau tak ada kita akan cas dia. Sebab kalau ikut pendakwa ajar pada kami, ikut kat mana sijil nikah dia tu. Kadang kita pergi tengok rumah dia tu rumah cina, rumah ada anjing, dia tipulah *tu*. Itu kita boleh cas seksyen pengakuan palsu.

(Informan kajian 1, temu bual, September 19, 2022)

Kita akan sisasat, kita akan turun ke lapangan. Kita akan turun ke tempat berlakunya kes tu. Selalunya unit operasi *lah* yang akan buat, dan kita akan ikut sekali.

(Informan kajian 3, temu bual, November 17, 2022)

Hasil kajian mendapati, pihak penguat kuasa syariah tidak semudahnya memandang remeh mengenai setiap tindakan pengegedahan yang dibuat meskipun skop untuk menggeledah hanyalah sekadar memastikan ketepatan sesuatu tempat berdasarkan alamat yang dinyatakan menerusi beban bukti yang diberikan. Penguat kuasa akan turun ke lapangan untuk memeriksa dengan melakukan pertanyaan atau pemerhatian dan mengambil gambar tempat kejadian. Pelbagai bukti yang ditemui membolehkan sesuatu pengesyoran hukuman terhadap pihak yang mencuba memanipulasikan tempat mastautin atau tempat berkahwin dengan data lain juga merupakan suatu mekanisme yang tepat untuk membuktikan kewujudan akuan palsu dari OYDS.

Begitu juga mengenai limitasi untuk membuat tangkapan berkenaan kesalahan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran hanyalah tertakluk dalam negeri Johor sahaja, namun penguatkuasaan untuk melakukan pengegedahan sesuatu tempat adalah berlaku di seluruh Malaysia. Hal yang demikian untuk mengelakkan adanya kemungkinan berlaku kelompangan atau kecacatan dalam siasatan hingga menyebabkan fail siasatan dikembalikan semula dari pendakwaan serta proses penguatkuasaan harus diulang atau disempurnakan semula.

Kesimpulan

Tuntasnya, hasil kajian menemukan penguatkuasaan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran oleh Bahagian Penguatkuasaan Syariah di negeri Johor mempunyai mekanisme yang tersusun dan sistematik. Mekanisme yang bersandarkan kepada garis panduan yang dirangka secara tidak langsung memberikan nilai tambah terhadap kualiti pelaksanaan penguatkuasaan tanpa membelakangkan peruntukan-peruntukan berkaitan iaitu Enakmen Undang-undang Keluarga Islam dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah. Di samping itu, terdapat persamaan terhadap mekanisme atau garis panduan dalam menangani isu kesalahan berkahwin tanpa kebenaran yang diaplikasikan oleh Bahagian Penguatkuasaan Syariah di seluruh negeri iaitu Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 dan Kod Etika Pegawai Penguat Kuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2019. Penyelarasan garis panduan yang dilaksanakan oleh JAKIM ini dilihat sebagai suatu usaha dalam menguatkan sistem serta kesepaduan antara Bahagian Penguatkuasaan Syariah setiap negeri meskipun masih terdapat percanggahan sistem dalam talian seperti E-NCR.

Seterusnya, prosedur khusus dalam menguatkuasakan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran bermula dari penerimaan aduan, penyiasatan, pemeriksaan saksi dan pengegedahan tempat menunjukkan mekanisme yang diusahakan oleh penguat kuasa agama Islam bukanlah proses yang mudah, bahkan hampir serupa dengan prosedur menguatkuasakan jenayah syariah dalam beberapa perkara. Ia bermula dari proses aduan yang bermula dari orang awam atau pihak yang melakukan kesalahan kepada Pihak Penguat Kuasa Agama. Setiap aduan tidak akan diterima jika tidak dilengkapi dengan dokumen yang perlu dilampirkan dalam borang lima. Dalam memulakan siasatan, setiap kes perlu melalui pihak pendakwaan untuk meluluskannya setelah memastikan dokumen dalam borang lima telah sempurna. Proses siasatan dan pemeriksaan saksi juga akan mengambil masa yang singkat bergantung kepada kerjasama penuh OYDS atau pihak saksi terlibat dalam menghadirkan diri serta memberikan beban bukti kepada pegawai siasatan. Beban bukti yang kurang sempurna akan disiasat semula dengan cara melakukan pengegedahan terutama menyelidiki sendiri kediaman yang dinyatakan oleh pihak terlibat.

Umumnya, kesemua tindakan penguatkuasaan dinilai akan terus dilaksanakan secara kompeten menurut bidang kuasa Pegawai Penguat Kuasa Agama sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang dan bukan secara semberono tanpa garis panduan. Ini menafikan segenap pernyataan mengenai penguatkuasaan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran kurang kompeten, kurang dibahas dan kurang diketengahkan kerana dianggap sebagai kesalahan yang melanggar pentadbiran sahaja. Namun, proses dalam menyelesaikan isu berkaitan kesalahan perkahwinan tanpa kebenaran telah dilaksanakan sebaiknya bukan hanya kerana wujudnya keterlibatan Mahkamah Syariah dalam pensabitan hukuman tetapi melibatkan institusi kekeluargaan serta keturunan.

Tidak dinafikan terdapat kekangan yang berlaku dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan kes kesalahan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran seperti mana yang disebutkan. Terutamanya limitasi bidang kuasa, skop Pegawai Penguat Kuasa Agama, akuan palsu pelaku dan lain-lain ketika menjalankan tugas. Justeru, pihak atasan di Bahagian penguatkuasaan Syariah perlu memastikan isu yang timbul dapat dikekang atau diatasi agar kesan terhadap mekanisme yang wujud sentiasa dalam keadaan optimum. Antara cadangan yang boleh dilakukan ialah penggubalan garis panduan untuk Pegawai Penguat Kuasa Syariah bagi kesalahan matrimoni hendaklah digubal dan diselaraskan antara negeri. Seterusnya, penguatkuasaan terhadap kesalahan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran perlu dilaksanakan secara berkala dengan berkolaborasi bersama pihak polis seperti mengetatkan pintu keluar masuk antara negara sempadan. Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran juga wajar diperketatkan berikutan hukuman sedia ada dinilai minimum hingga tidak menggerunkan pihak pelaku .

Akhir, hasil kajian ini turut diharapkan dapat memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada pelbagai pihak seperti institusi perundangan syariah sendiri agar dapat memperbaiki setiap tugas menurut garis panduan yang diberikan serta mekanisme yang telah ditetapkan kerana setiap tindakan penguatkuasaan akan memberikan impak yang mendalam terhadap pihak-pihak tersebut seperti Pegawai Penguat Kuasa Agama yang belum mendalami sepenuhnya setiap proses penguatkuasaan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran. Masyarakat juga perlu lebih mendalami pengetahuan berkenaan penguatkuasaan kesalahan matrimoni yang kurang diketengahkan dan diberi perhatian sekali gus memadamkan tuduhan yang pelbagai terhadap kepakaran Pegawai Penguat Kuasa Agama dalam menjalankan tugas mereka. Begitu juga, diharapkan adanya kesinambungan dari kajian ini yang menengahkan isu dan cabaran dalam menguatkuasakan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran untuk berikutan hampir mustahil jika tiada cabaran yang berlaku dalam setiap organisasi terutamanya berkaitan dengan pentadbiran institusi syariah.

Rujukan

- Abdul Rahim, N. F. (2023, Februari 3). “Mudah poligami di Kelantan”. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1059235/mudah-poligami-di-kelantan>
- Abdullah, S., Hussin, N. S., & Ramli, A. J. (2021). Impak perkahwinan tanpa kebenaran memberi kesan terhadap pasangan dan institusi kekeluargaan: Kajian kes di Negeri Perlis. In *The proceeding of th 2nd International Conference on Communication in Scientific Inquiry (CSI)*, 2 August (pp. 1–19).
- Abu Hasan, Z. M. (2019). *Cabaran penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah berkaitan ajaran sesat: Kajian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* [Sarjana, Universiti Malaya]. Universiti Malaya.
- Adnan, N. (2023, Januari 9). “Permohonan nikah di Siam meningkat dua kali ganda”. Sinar Harian. <https://sinarharian.com.my/article/239638/berita/nasional/permohonan-nikah-di-siam-meningkat-dua-kali-ganda>
- Anon. (2019, October 4). “Kod etika pegawai penguatkuasa agama negeri dilancarkan”. Mupdate. <https://m-update.com/2019/10/04/kod-etika-pegawai-penguatkuasa-agama-negeri%02dilancarkan/>
- Arif, M., & Zubaidah, S. (2019). Jenayah syariah golongan mak nyah: Isu dan masalah penguatkuasaan di Negeri Melaka. *Jurnal Ilmi*, 9, 30–43.
- Arifin, L. (2019, October 4). “Kod etika penguatkuasa agama tekankan dakwah berhikmah, bijaksana”. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/613772/kod-etika-penguatkuasa-agama-tekankan%02dakwah-berhikmah-bijaksana?fbclid=IwAR2fr%0AsW6LyjuvIMjFqf1RXuqz_VwAPtJQ64z2Jbk6prlfkqJfQLygiZSYQ.%0D
- Azhar, A., Badarulzaman, M. H., Hussain, M. A., & Noor, F. M. (2018). Hisbah parameters in syariah criminal legislative framework in Malaysia: Overview of prevention of Khalwat (close proximity) criminal offenses parameter hisbah dalam kerangka perundangan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(9), 46–56.
- Aziz, S. A. (2016). *Isu penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia*. Perpustakaan Negara Malaysia.

- Bernama, (2019, Mac 10). “*Permohonan surat sah nikah di Selatan Thailand meningkat*”. Sinar Harian. <https://sinarharian.com.my/article/17241/berita/nasional/permohonan-surat-sah-nikah-di-selatanthailand-meningkat>
- Darussamin, Z., Armansyah, A., & Zikri, A. (2023). The urgency of maturity to get married and its relevance to family life goals. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*, 8(1), 215–236. <https://doi.org/10.29240/jhi.v8i1.5324>
- Deris, I., & Tajuddin, H. H. A. (2015). Penggunaan garis panduan dan etika dalam penambahbaikan perjalanan penguatkuasaan dan pendakwaan kesalahan syariah. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 27(1), 102–121.
- Disemadi, H. S., Al-Fatih, S., & Yusro, M. A. (2020). Indonesian children protection against commercial sexual exploitation through siri marriage practices in maqashid al-shariah perspective. *Brawijaya Law Journal*, 7(2), 195–212. <https://doi.org/10.21776/ub.blj.2020.007.02.04>
- Hussin, N. S. (2015). *Perkahwinan tanpa kebenaran: Kajian terhadap kes-kes di Mahkamah Syariah Negeri Perlis dari tahun 2006 hingga 2010* [Sarjana Sastera, Universiti Utara Malaysia] Universiti Utara Malaysia.
- Ibrahim, N., & Samudin, S. A. (2022). Cabaran penguatkuasaan undang-undang bagi kesalahan jenayah syariah mengajar agama tanpa tauliah di alam siber maklumat: Kajian di Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Journal of Shariah Law Research*, 7(2), 241–272.
- Indra, G. L., Arif, A., & Zaelani, A. Q. (2023). The ideal age for marriage in the compilation of Islamic law (KHI) and psychology. *AL-ADALAH*, 20(1), 1–81. <https://doi.org/10.24042/adalah.v20i1.11598>
- Ismail, S. Z. (2008). Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan jenayah syariah di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Syariah*, 16, 537–554.
- Junaidi, A., & Samudin, S. A. (2022). Penetapan hukuman bagi kesalahan jenayah syariah di Malaysia: Analisis perbandingan mengikut undang-undang dan fiqh. *Jurnal Islam dan Masyarakat Islam Kontemporari*, 23(2), 324–346.
- Mahmod, Z. (2011). *Pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang produk halal di Malaysia: Kajian terhadap penyelagunaan logo halal*. Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mat Hussin, M. N., & Fauzi, M. F. A. (2023). Pembayaran nafkah anak melalui potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja: Suatu alternatif. *UUM Journal of Legal Studies*, 14(1), 333–363. <https://doi.org/10.32890/uumjls2023.14.1.13>
- Mat Hussin, M. N., Abdullah, R., Ferdousi, N., & Mohd Radzi, W. (2023). The legal recognition of a wife’s rights of harta sepencharian in Malaysia. *Asian Women*, 39(1), 23–44.
- Mat Hussin, M. N., Daud, M. Z., Md Noor, R., & Che Omar, A. (2023). An analysis of issues relating to aqidah and beliefs among Muslims in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 11(2), 366–380. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol11no2.454>
- Ngspar, R. S., & Mat Hussin, M. N. (2023). Amalan perjanjian perkahwinan dan perceraian dalam kes tuntutan perceraian: Kajian di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. *Journal Syariah of Law Research*, 2, 143–166.
- Qahhar, A., Ghafar, A., Don, H., & Faisal, M. (2017). Peranan pegawai penguatkuasa agama (PPA) dalam melaksanakan hisbah di Negeri Selangor. *Fikiran Masyarakat*, 5(3), 119–125.
- Sabarudin, S. (2017). *Analisis penalti terhadap kesalahan-kesalahan matrimoni di Mahkamah Syariah Selangor*. Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Samah, M., Abdullah, R., Mat Hussin, M. N., & Ferdousi, N. (2023). Dato’ yutitam in the civil court system of Thailand. *AHKAM: Jurnal Ilmu Syariah*, 23(1), 121–146.
- Samudin, S. A. (2022). Ulasan buku undang-undang kesalahan jenayah syariah di Malaysia. *Journal Syariah of Law Research*, 7(1), 147–160.
- Samudin, S. A., & Abu Bakar, A. (2023). Penderaan dan pengabaian warga emas: Kajian menurut undang-undang di Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*, 8(2), 121–142.
- Suhaini, N. A. (2020). “*Denda, penjara jika nikah luar negara tanpa kebenaran*”. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/12/656402/denda-penjara-jika-nikah-luar-negara-tanpakebenaran#:~:text=Beliau%20berkata%2C%20mana%2Dmana%20pasangan,bulan%20atau%20kedua%2Dduanya%20sekali>

- Towpek, H., Affandie, A. S., & Prasojo, Z. H. (2023). Amalan pengurusan sulh di Jabatan Kehakiman Syariah: Sulh administration's practices at the Department of Shariah Judiciary. *Journal of Shariah Law*, 8, 1–32.
- Wan Ismail, W. A. F., (2023, Februari 28). “Ramai tidak sedar impak kahwin lari di luar negara”. Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2023/02/22/ramai-tidak-sedar-impak-kahwin-lari-di-luar-negara/>
- Wan Ismail, W. A. F., Mamat, Z., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Hashim, H., & Alias, M. A. A. (2023). Analisis awal terhadap faktor-faktor peningkatan kes-kes perkahwinan merentasi sempadan dalam kalangan masyarakat muslim di Malaysia. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 30(1), 1–15.
- Zaidan, A. K. (2001). *Usul ad-Da'wah* (ed.9). Muassasah ar-Risalah.